

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 APRIL 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Selangor kongsi data Selangkah dengan PADU

Selangor kongsi data Selangkah dengan PADU

Data penerima
subsidi dikongsi
tertakluk terma dan
syarat penggunaan

Oleh MOHD AZLIM
ZAINURY
SHAH ALAM

Kerajaan Selangor bersedia berkongsi data yang dikumpul dan diperolehi menerusi aplikasi Selangkah bagi proses semak silang serta kemas kini maklumat rakyat negeri itu ke dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kira-kira 3,712,616 maklumat atau data daripada 66,216 penerima skim subsidi dalam aplikasi yang dimiliki Selangkah Ventures Sdn Bhd iaitu anak syarikat kerajaan negeri itu boleh dikongsi dengan PADU, tertakluk kepada terma dan syarat penggunaan.

Beliau berkata, data berkenaan merangkumi maklumat penerima skim bantuan kerajaan negeri antaranya Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas), Program Selangor Mental Sihat (Sehat), Program Saringan Kesihatan Percuma (Saring) dan Insentif MamakJerja.

"Kerajaan negeri percaya selepas ini akan lebih banyak data penerima bantuan di Selangor yang boleh dikongsi dengan



Amirudin (tiga dari kanan) pada Majlis Menandatangani MoU Data Selangkah dan PADU di Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor pada Rabu.

PADU dan secara tidak langsung akan membantu kerajaan Pusat dalam aspek pembentukan atau pelaksanaan sesuatu dasar negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Data Selangkah dan PADU di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, aplikasi Selangkah ketika ini memiliki 3.87 juta pengguna aktif termasuk mereka yang tidak menerima subsidi dan bantuan program kerajaan Selangor.

Selain itu, beliau berkata, proses perpindahan dan semak silang data antara Selangkah dan PADU dijangka selesai 19 April ini.

Beliau berkata, sebanyak 1.89 juta iaitu 44.5 peratus penduduk Selangor berumur 18 tahun dan ke atas telah mengemas kini maklumat dalam sistem PADU daripada 4.24 juta orang iaitu jumlah yang disasarkan berbuat demikian.

"Pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan negeri melalui kerjasama dengan Jabatan Perangkaan Negeri Selangor bagi memastikan setiap penduduk berumur 18 tahun ke atas mendaftar dan mengemas kini PADU termasuk mengadakan promosi berterusan di samping pembukaan 3,221 kaunter fizikal di seluruh negeri mulai 2 Januari hingga 31 Mac lepas," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, MoU berkenaan merupakan satu titik tolak besar bagi perkongsian data dan Selangor merupakan negeri pertama melakukannya.